

MEMBANGUN KEMAHIRAN AL-QURAN DAN JAWI KEPADA ANAK-ANAK (DEVELOPING THE SKILLS OF THE QUR'AN AND JAWI FOR KIDS)

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2013). Membangun Kemahiran al-Quran dan Jawi kepada Anak-Anak (Developing the Skills of the Qur'an and Jawi for Kids) in *Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI (Remedial and Enrichment Workshop for Teaching and Learning Quran SRA JAWI)* at Lecture Hall, Masjid Negara, Jalan Perdana 50480, Kuala Lumpur on 28-29 October 2013, pp. 1-20.

ABSTRACT

Salah satu pendidikan yang penting dalam pembangunan anak-anak ialah pendidikan al-Quran. Membangun pendidikan al-Quran kepada anak-anak mampu menanamkan ruh Islam dalam diri mereka. Kemahiran membaca, menghafal dan mengusai maknanya merupakan titik tolak kepada kemajuan mereka dalam memahami keseluruhan Islam itu sendiri. Oleh itu, pendidikan ini perlu diberi perhatian sejak kecil lagi agar anak sudah mempunyai kemampuan untuk membaca al-Quran seterusnya menguasai beberapa ilmu yang berkaitan dengan al-Quran seperti ilmu tajwid dan ilmu tulisan jawi. Hal ini demikian akan memandu anak-anak untuk mempunyai kecintaan terhadap Islam dan perjuangannya. Dalam artikel ini, perbincangan dipusatkan kepada pembangunan pendidikan al-Quran yang menumpukan kebolehan membaca al-Quran, iaitu dengan tumpuan kepada keutamaan pendidikan al-Quran, peringkat umur anak yang wajar diberi pengajaran pembacaan al-Quran, siapa yang sewajarnya menjadi guru al-Quran untuk anak-anak, pemilihan kaedah menguasai bacaan al-Quran, proses mengajar al-Quran, dan proses pembangunan kemahiran membaca dalam tulisan jawi.

REFERENCES

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. al-Arna'ut Shu'aib & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanahi wa Ayyamih - Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masaruh: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. 1995. *Riyad al-Salihiin*. 'Ali 'Abd al-Hamid Boltah Ji (Ed.). Lahore Pakistan: Kutub Khanah Faida.
- Humam, As'ad. 2005. *Iqra' 1-6*. Yogyakarta: Balai Litbang, LTPQ Nasional.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hizrullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2002. *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Salihiin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2007. *Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2013. Al-Quran Satu Mukjizat yang Menakjubkan. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Pres.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Md. Saleh @ Masrom, Mohd Fauzan. 2008, 29 Disember 2008. Jam 8.00 malam *Perbualan dengan Guru al-Quran di Daerah Johor Bahru, Pengamal Pengajaran al-Quran dengan Kaedah Iqra'*/Interviewer: Kamarul Azmi Jasmi.
- Md. Saleh @ Masrom, Suzilawati. 2008. *Perbualan dengan Guru al-Quran Daerah Johor Bahru, Pengamal Pengajaran al-Quran dengan Kaedah Iqra'*.

Membangun Kemahiran al-Quran dan Jawi kepada Anak-Anak*

Kamarul Azmi Jasmi

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

PENGENALAN

Salah satu pendidikan yang penting dalam pembangunan anak-anak ialah pendidikan al-Quran. Membangun pendidikan al-Quran kepada anak-anak mampu menanamkan ruh Islam dalam diri mereka. Kemahiran membaca, menghafal dan mengusai maknanya merupakan titik tolak kepada kemajuan mereka dalam memahami keseluruhan Islam itu sendiri. Oleh itu, pendidikan ini perlu diberi perhatian sejak kecil lagi agar anak sudah mempunyai kemampuan untuk membaca al-Quran seterusnya menguasai beberapa ilmu yang berkaitan dengan al-Quran seperti ilmu tajwid dan ilmu tulisan jawi. Hal ini demikian akan memandu anak-anak untuk mempunyai kecintaan terhadap Islam dan perjuangannya. Dalam artikel ini, perbincangan dipusatkan kepada pembangunan pendidikan al-Quran yang menumpukan kebolehan membaca al-Quran, iaitu dengan tumpuan kepada kepada keutamaan pendidikan al-Quran, peringkat umur anak yang wajar diberi pengajaran pembacaan al-Quran, siapa yang sewajarnya menjadi guru al-Quran untuk anak-anak, pemilihan kaedah menguasai bacaan al-Quran, proses mengajar al-Quran, dan proses pembangunan kemahiran membaca dalam tulisan jawi.

Kepentingan Pendidikan al-Quran

Al-Quran merupakan mashaf yang diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada Rasulullah s.a.w. sebagai panduan untuk umatnya. Proses penyebaran, pengajaran dan pendidikan al-Quran kepada umat Islam merupakan satu proses yang sememangnya sudah diatur sejak diturunkan sehingga kini agar al-Quran ini terus terpelihara sebagai satu mukjizat (Jasmi, 2013) . Hal ini demikian sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah S.W.T. dalam firman-Nya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الِّذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿١﴾

Terjemahan: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.”

(Surah *al-Hijr*, 15:9)

Di zaman Rasulullah s.a.w. proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran ini bersesekali dengan pembangunan iman, adab, dan akhlak. Sebab itulah juga al-Quran diturunkan secara beransur-ansur agar para sahabat dapat mempelajari dan menghayati al-Quran sekaligus (Jasmi, 2002). Satu athar menjelaskan (Ibn Majah, 2009: 60):

* Kertas kerja kedua ini dibentangkan dalam Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA Jawi pada 28-29 Oktober 2013 bertempat di Dewan Syarahan, Masjid Negara, Jalan Perdana 50480, Kuala Lumpur.

عَنْ جَنْدُبِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ كُنَا مَعَ النَّبِيِّ وَنَحْنُ فِتْيَانٌ حَازِرُونَ فَتَعْلَمَنَا إِيمَانًا قَبْلَ أَنْ نَتَعْلَمَ الْقُرْآنَ
ثُمَّ تَعْلَمَنَا الْقُرْآنَ فَأَزَدَنَا بِهِ إِيمَانًا.

Terjemahan: *Jundub ibn 'Abdullah* katanya, "Sewaktu kami masih kecil kami selalu bersama dengan Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. mengajar kami tentang keimanan sebelum kami belajar al-Quran. Apabila kami belajar pula al-Quran kami dapati keimanan kami semakin mantap dan bertambah.

(*Ibn Majah*)

Begitulah seterusnya proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran ini diteruskan dari satu generasi ke satu generasi dan dari zaman ke zaman dengan anggapan umat bahawa pengajaran dan pembelajaran al-Quran ini sebagai satu aspek terpenting dalam pendidikan keluarga Islam dan umatnya. Hal ini terjelas dalam banyak hadis yang menjelaskan keutamaan al-Quran untuk dikembang dan disebar luaskan. Dalam banyak hadis ada menjelaskan bahawa apa sahaja sumbangan penyebaran al-Quran kepada umat merupakan sumbangan yang tidak ternilai di sisi Allah S.W.T. dan agamanya. Sebab itu, Rasulullah s.a.w. melalui sabdanya ada menyatakan kelebihan yang besar kepada sesiapa sahaja yang memberi sumbangan dalam menyebarluaskan al-Quran tidak kira dalam keluarga sendiri atau kepada masyarakat umum. Sumbangan ini pada hakikatnya adalah proses survival al-Quran, yang menjadikan Islam akan terus berkembang untuk dihayati dan diamalkan (Jasmi & Tamuri, 2007). Rasulullah s.a.w. bersabda (Al-Bukhari, 2001: 4639):

عَنْ عُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ قَالَ خَيْرُكُمْ مَنْ تَعْلَمَ الْقُرْآنَ وَعَلِمَهُ.

Terjemahan: *Uthman bin 'Affan RA* menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Orang yang paling baik lagi mulia disisi Allah S.W.T. antara kamu semua ialah orang yang belajar al-Quran kemudian ia mengajarkannya kepada orang lain."

(*Al-Bukhari*)

Hadis ini menjelaskan tentang perihal seseorang yang paling mulia disisi Allah S.W.T. ialah mereka yang mempelajari al-Quran dengan sebaik-baiknya dan kemudian mereka mengajarkan pula kepada orang lain. Maksud mempelajari di sini, bukanlah hanya sekadar belajar tetapi lebih dari mempelajari, iaitu belajar, memahami serta mengamalkan isi al-Quran dengan niat ikhlas hanya kerana Allah S.W.T. tanpa mengharapkan apa-apa balasan (Al-Nawawi, 1995: 126). Maksud daripada hadis ini terjelas bahawa proses belajar al-Quran dan mengajarkannya pula serta mengamalkan ajarannya merupakan satu proses yang membangunkan survival Islam untuk terus berkembang dan diamalkan oleh umatnya. Sebab itu, mereka layak diberikan penghormatan sebagai insan yang terbaik. Dalam hadis yang lain pula penghormatan kepada penyebab, pembangun dan pendidik al-Quran juga diberikan kedudukan yang sangat mulia di alam akhirat (Abu Dawud, 2009: 1241; Ahmad, 2001: 15091):

عَنْ سَهْلِ بْنِ مُعاَذَ الْجُهْنِيِّ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَعَمِلَ بِمَا فِيهِ أُلْبِسَ وَالَّذَا تَاجَ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ ضَوْءَ أَحْسَنَ مِنْ ضَوْءِ الشَّمْسِ فِي بَيْوَتِ الدُّنْيَا لَوْكَانَتْ فِيْكُمْ فَمَا ظَنَّكُمْ بِالَّذِي عَمِلْتُمْ بِهِذَا

Maksud: *Sahl bin Mu'adh al-Juhaniyyi daripada bapanya menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda "Sesiapa yang membaca al-Quran dan beramal dengan apa yang ada di dalamnya, Ibu bapanya akan dipakaikan dengan mahkota pada hari kiamat. Cahaya mahkota tersebut lebih terang daripada cahaya matahari sekalipun jika diletakkan di dalam rumah yang terdapat di dunia. Maka apa pandangan kamu pula (kelebihan pembalasan) terhadap orang yang mengamalkan sendiri dengan al-Quran tersebut?"*

(Abu Dawud)

Hadis ini menjelaskan tentang pembalasan pahala yang diterima oleh ibu bapa dan pembaca al-Quran adalah sangat tinggi di alam akhirat kerana pembacaan dan pengamalan isi kandungannya. Justeru, pengajaran dan pembelajaran al-Quran sangat penting untuk diambil berat oleh ibu bapa terhadap anak-anak dengan memastikan mereka sampai ke tahap mampu membaca al-Quran dengan baik serta memahami isi kandungannya. Boleh dibayangkan jika seorang murid membaca al-Quran dan mengamalkan ajarannya, ibu bapanya mendapat martabat yang tinggi di alam akhirat, maka apakah balasan yang bakal terhasil kepada guru yang mendidik murid tersebut sehingga mampu membaca dan mengamalkan ajarannya? Begitu juga bayangkan pula jika ibu bapa itu sendiri yang mengajar dan mendidik anaknya dengan didikan al-Quran, bagaimana pula tahap kelebihan yang mereka akan dapat di sisi Allah di alam akhirat.

Bila anak mula diajar membaca al-Quran

Saat bila anak sewajarnya mula diajar untuk mengeja dan membaca al-Quran perlu dilihat kepada kemampuan anak masing-masing. Kemampuan yang dimaksudkan ialah kemampuan berkata-kata dengan baik dan jelas. Ada sesetengah anak mula berkata-kata dengan baik seawal umur dua tahun genap, ada yang tiga tahun dan ada yang empat tahun dan selewat-lewat umur yang penulis temui ialah lima tahun.

Perlu difahami oleh ibu bapa bahawa tahap mampu berkata-kata ini merupakan proses perkembangan otak anak-anak dan bukan disebabkan kekuatan atau kelemahan kognitif atau IQ. Ada sesetengah anak pelatnya terbawa-bawa sehingga masuk ke sekolah rendah. Jika mereka sudah boleh berkata-kata dengan baik sekalipun pelat, bolehlah dimulakan pengajaran al-Quran. Anak pelat tidak bermakna IQ-nya lemah atau lembam, tetapi lebih kepada kesilapan ibu bapa bercakap dengan anak dengan pelat dan tidak menggunakan bunyi kosa kata perkataan yang betul dan tepat.

Cara yang lebih mudah untuk mengetahui sama ada seseorang anak itu sudah boleh atau tidak diajar mengeja dan membaca al-Quran ialah dengan menyuruh anak itu mengikut bunyi asas huruf *hija'iyyah* berbaris sebagaimana yang dibunyikan oleh ayah atau ibu anak itu sendiri. Bunyi huruf ini seperti dalam Jadual 1.

Suruhan ibu bapa boleh dilakukan secara spontan tanpa melihat mana-mana buku pada bila-bila masa ketika menaiki kenderaan dalam perjalanan jauh, ketika bermain, ketika berbual-bual, atau ketika hendak menidurkan anak-anak dengan kata-kata: "*Cuba ikut bunyi ayah/ibu ini....*" dengan membunyikan huruf dalam rajah tanpa mengejakannya. Jika bunyinya masih belum jelas antara satu huruf dengan satu huruf yang lain. Anak ini masih belum boleh diajar membaca al-Quran. Ibu atau ayah boleh mencuba lagi tiga hingga enam bulan kemudian. Jika anak ini sudah mampu mengikut bunyi huruf berbaris tersebut dengan baik walau pun *makhrajnya* masih tidak tepat, anak tersebut sudah boleh mula diajar mengenal huruf berbaris secara intensif supaya dia boleh mengeja dan membaca al-Quran pada umur yang lebih muda.

Jadual 1 Lambang dan Bunyi Asas Kaedah Pengajaran *Iqra'*

Bunyi	Lambang	Bunyi	Lambang	Bunyi	Lambang	Bunyi	Lambang
ka	ك	dha	ض	da	د	aa	أ
la	ل	ta	ط	dha	ذ	ba	ب
ma	م	za	ظ	ra	ر	ta	ت
na	ن	'a	ع	za	ز	tha	ث
wa	و	gha	غ	sa	س	ja	ج
ha	ه	fa	ف	sha	ش	ha	ح
ya	ي	qa	ق	ṣa	ص	kha	خ

Manakala sebaik-baik waktu kelas pengajaran jika ingin dimulakan ialah lepas Maghrib hingga Isyak. Waktu ini adalah waktu yang tidak terlalu pendek dan tidak terlalu panjang yang membolehkan dan anak-anak menyudahkan solat dan terus kepada kelas al-Quran dengan penjagaan wuduk. Waktu ini juga sebaik-baiknya digunakan oleh semua ahli keluarga untuk membaca al-Quran secara individu supaya budaya membaca al-Quran ini dapat dihidupkan dalam keluarga.

Kenapa Perlu Khatam al-Quran Ketika Umur Tujuh Tahun?

Pengalaman mengendalikan program pengajaran dan pembelajaran al-Quran menunjukkan bahawa anak boleh berjaya mengkhatamkan al-Quran pada ketika umur tujuh tahun Bagaimana anak boleh khatam dalam umur tujuh tahun boleh dilihat sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Jadual program khatam umur tujuh tahun

Bil.	Bacaan	Tempoh hari
1.	Iqra' 1	31
2.	Iqra' 2	30
3.	Iqra' 3	30
4.	Iqra' 4	30
5.	Iqra' 5	30
6.	Iqra' 6	30
7.	Bacaan al-Quran peringkat pertama 1/3 muka x 10 halaman dari juzuk pertama	30
8.	Bacaan al-Quran peringkat kedua ½ muka x 9 halaman dari juzuk pertama	18
9.	Bacaan al-Quran peringkat ketiga 1 halaman x 20 halaman x 4 juzuk al-Quran	40
10.	Bacaan al-Quran 1 hizb x 8 x 25 juzuk al-Quran	200
Jumlah		469

Berdasarkan Jadual 2 bahawa anggaran sebanyak 469 hari diperlukan oleh seorang anak jika dia berada dalam pembelajaran al-Quran setiap hari. Hampir mustahil seorang ibu atau bapa mampu mengajar anak membaca al-Quran setiap hari oleh itu anggaran yang boleh dijangka oleh ibu bapa bahawa mereka mesti mengkhatamkan pembelajaran al-Quran anak mereka dalam tempoh tiga tahun daripada tarikh anak mula membaca al-Quran.

Apa yang lebih penting di sini ialah apa makna khatam pembacaan al-Quran di sini? Maksud khatam pembacaan al-Quran ialah mestilah anak tersebut telah selesai membaca di dapan ibu bapa atau guru dari awal buku Iqra' sehingga selesai keseluruhan 30 juzuk al-Quran. Nilai khatam tersebut mestilah mempunyai ciri berikut:

- (1) Mampu membaca al-Quran dengan hukum tajwid yang betul. Hukum tersebut merangkumi setiap aspek pembacaan al-Quran.
- (2) Tahu kesalahan pembacaan jika dia salah membaca.
- (3) Tahu memula dan mengakhiri bacaan di tempat yang betul.

Khatam dengan nilai seperti yang disebutkan memberi implikasi kepada perkembangan anak-anak dalam pembelajarannya. Antara kelebihan yang diperoleh ialah:

- (1) Mampu membaca huruf rumi dengan lebih cepat. Kesukaran membaca dengan huruf Arab dalam al-Quran lebih tinggi daripada kesukaran mempelajari membaca dalam rumi. Jika anak sudah boleh membaca dengan baik al-Quran ketika tadika walaupun belum khatam al-Quran, guru tadika merasa tercabar jika anak tersebut tidak boleh membaca dalam rumi. Tuduhan dari orang sekeliling terhadap guru tersebut juga memberi kesan yang mendalam sehingga guru tersebut bersungguh-sungguh mengajar anak dalam rumi sehingga anak-anak boleh menguasai bacaan dalam rumi pula.
- (2) Dengan sedikit lagi usaha lagi dengan menghabiskan buku cara membaca dalam jawi, mereka sudah boleh pula membaca dalam tulisan jawi dengan baik. Sedikit usaha di sini ialah hanya mengambil masa dalam dua atau tiga minggu sahaja untuk anak tersebut membaca dalam tulisan jawi. Pengajaran jawi masih diperlukan walaupun sedikit kerana huruf jawi tidak mempunyai baris. Sedangkan huruf al-Quran mempunyai baris. Oleh itu, kesukaran membaca dalam jawi adalah lebih daripada membaca dalam huruf Arab dalam al-Quran yang mempunyai baris.
- (3) Apabila anak sudah boleh membaca al-Quran dan membaca jawi dengan baik, ketika ini semua bidang yang berkaitan dengan Islam dan bahasa Arab boleh dikuasai oleh anak dengan baik dan sempurna. Hal ini demikian kerana kemahiran membaca al-Quran dan membaca dalam jawi merupakan alat untuk menyampaikan ilmu Islam kepada mereka. Selain itu, dengan penguasaan kedua-dua Arab dan Jawi, rasa keyakinan diri dalam kelas mereka di dalam darjah satu dan seterusnya adalah lebih tinggi.

Oleh itu, ibu bapa jangan sampai terlepas pandang terhadap pengajaran al-Quran anak di rumah. Usaha yang perlu dilakukan ialah memastikan anak boleh khatam al-Quran menjelang umur mereka tujuh tahun.

SIAPA YANG WAJAR MENGAJAR AL-QURAN?

Ada empat kriteria orang yang layak mengajar anak membaca al-Quran, iaitu ikhlas, istiqamah, sabar, dan mampu membaca al-Quran secara bertajwid. Keempat-empat syarat ini merupakan syarat utama orang yang layak mengajar al-Quran kepada anak.

Orang dewasa yang sudah boleh membaca al-Quran secara bertajwid pada dasarnya sudah cukup syarat untuk mengajar al-Quran kepada anak mereka sendiri. Konsep pengajaran al-Quran dengan sistem terkini bukan lagi konsep mengajar secara total, tetapi lebih sebagai fasilitator. Ibu bapa atau guru al-Quran hanya membetulkan bunyi bacaan yang salah serta bunyi yang tidak mengikut hukum tajwid yang dibunyikan oleh anak. Sebab itu syarat cekap dan fasih membaca al-Quran tidak diperlukan lagi dalam mengajar al-Quran dewasa ini. Hanya boleh membaca dengan bertajwid sudah memadai.

Pada hakikatnya, seorang ibu atau ayah yang sudah boleh membaca al-Quran secara bertajwid adalah sangat tepat dan sangat memenuhi keempat-empat syarat yang disebutkan sebelum ini. Berbanding guru al-Quran yang diupah, ibu bapa sudah tentu tidak mengharapkan upah dalam mengajar. Hal ini merupakan peringkat tertinggi keikhlasan dalam mengajar serta mempunyai kesan tambahan dalam keupayaan anak untuk cepat membaca al-Quran. Tambahan pula keinginan dan harapan ibu atau ayah juga sangat tinggi untuk memastikan anak mampu membaca al-Quran dengan baik itu sendiri mendorong anak lebih bersungguh untuk memenuhi harap itu. Gabungan keikhlasan, keinginan dan harapan ini adalah ciri yang sangat penting dalam mengajar anak membaca al-Quran apatah lagi jika umur anak itu masih baru dua atau tiga tahun.

Begitu juga dari segi istiqamah setiap hari mengajarkan al-Quran, jarang ada guru al-Quran yang mampu mengajar anak-anak setiap hari. Dalam seminggu, ada hari yang cuti bagi mereka untuk berehat. Pada kebiasaannya pula, guru al-Quran hanya mengajar tiga kali seminggu (Md. Saleh @ Masrom, M. F., 2008). Sedangkan konsep mengajar al-Quran yang cepat, tepat dan berkualiti kepada anak perlukan kepada istiqamah dan ketegasan. Tegas pada waktu dan istiqamah dalam setiap hari sekalipun yang diajar satu muka surat sehari. Ibarat memberi makan kepada anak sehari tiga kali makan secara tetap dan berterusan untuk kesinambungan pembesaran fizikal anak. Begitulah juga mengajar mengeja dan membaca al-Quran perlu ditetapkan sehari dua kali atau sekali sehari secara berterusan untuk kesinabungan rohani anak. Dan keistiqamahan ini bahkan bertujuan untuk dilaksanakan untuk sepanjang hidup anak, iaitu sekalipun telah pandai membaca, anak perlu membaca al-Quran secara istiqamah dan berterusan sepanjang hidupnya secara individu.

Selain istiqamah, kesabaran juga syarat yang utama dalam mengajar anak al-Quran secara berkualiti. Mengajar al-Quran tidak seperti mengajar membaca huruf rumi kepada anak kerana pengajaran al-Quran proses yang berperingkat dan lama. Sekurang-kurangnya mengambil masa tiga tahun untuk khatam al-Quran jika anak yang diajar itu masih berumur dua atau tiga tahun. Hal ini demikian kerana pada peringkat umur ini, mereka mudah jemu, mudah penat, mudah terleka kerana ingin bermain. Selain itu, pengajaran al-Quran itu sendiri mempunyai peringkat yang memerlukan anak tadi mesti sudah cekap pada peringkat bawah sebelum boleh naik ke peringkat yang lebih tinggi. Dan setiap peringkat itu mengambil masa antara dua hingga ketiga bulan bahkan lebih lagi bergantung kepada tahap istiqamah sesi pengajaran al-Quran itu. Peringkat pengajaran bacaan al-Quran ini akan dibincangkan nanti dalam subtajuk yang akan datang.

Satu perkara yang ingin dinyatakan di sini bahawa jika ibu bapa sendiri yang mengajar anak-anak membaca al-Quran, satu kepuasan akan dapat dirasakan apabila anak-anak mereka sudah boleh membaca sendiri al-Quran. Apatah lagi jika mendapati anak yang masih muda sewal umur lima, enam atau tujuh tahun sudah boleh membaca dengan baik dan bertajwid serta khatam al-Quran di tangan mereka sendiri berbanding

kawan-kawan sekolah yang pada umumnya mereka khatam al-Quran pada umur sembilan tahun dan ke atas.

Namun jika ibu bapa terlalu sibuk atau tidak mempunyai kemampuan untuk membaca al-Quran secara bertajwid, eloklah anaknya itu dihantar kepada guru al-Quran atau sebaik-baiknya guru al-Quran itu dijemput untuk mengajar anak di rumah mereka. Dengan ini, guru al-Quran akan lebih bersungguh-sungguh untuk mengajar mereka. Walau bagaimanapun, anak-anak yang diajar oleh guru al-Quran janganlah ibu bapa mengharap hasil kemampuan anak itu membaca al-Quran sama seperti anak-anak yang diajar sendiri dari segi khatamnya pada umur antara empat hingga tujuh tahun. Kebiasaan guru al-Quran boleh menyelesaikan bacaan anak didiknya sehingga khatam al-Quran adalah dalam sekitar sembilan hingga 12 tahun.

Jika ibu bapa terlalu sibuk dan dalam masa yang sama ingin mengajarkan al-Quran kepada anak mereka sendiri, ini menyebabkan anak tidak dapat diajar secara istiqamah, seterusnya anak-anak akan ketinggalan dalam menguasai pembacaan al-Quran. Jarak waktu yang terlalu lama menyebabkan kanak-kanak lupa perlambangan bunyi yang menyebabkan pengulangan setiap tingkat bacaan perlu dilakukan semula.

Manakala ketidak mampuan ibu bapa membaca al-Quran secara bertajwid tetapi tetap ingin mengajar anak membaca al-Quran. Situasi ini menyebabkan bunyi bacaan anak juga akan salah bahkan lebih teruk kesalahan bacaannya berbanding ibu bapanya yang tidak boleh membaca secara bertajwid.

PEMILIHAN KAEDAH MENGEJA AL-QURAN

Dewasa ini terdapat beberapa kaedah untuk mengajar anak mengeja dan membaca al-Quran. Kaedah yang paling mahsyur ialah kaedah *Baghdadi* dan kaedah *iqra'*. Kaedah *baghdadi* ialah kaedah pengajaran al-Quran yang memperkenalkan kanak-kanak huruf al-Quran dan kanak-kanak dikehendaki mampu mengeja setiap huruf dengan barisnya. Manakala kaedah *iqra'* ialah kaedah yang hanya memperkenalkan bunyi huruf dan perlambangannya sahaja untuk membaca al-Quran tanpa memperkenalkan huruf-hurufnya.

Namun kaedah *iqra'* telah dijadikan kaedah asas pengajaran di sekolah rendah di Malaysia sekarang ini kerana terbukti melalui beberapa kajian di beberapa sekolah rendah dan menengah, kaedah ini mampu mengajar anak-anak membaca dengan lebih cepat (As'ad Humam, 2005: iv) berbanding kaedah *Baghdadi*. Namun, ada sesetengah pengamal kaedah *Baghdadi* yang menjelaskan kaedah pengajaran al-Quran cara kaedah *iqra'* menyebabkan anak tidak mengenal huruf tetapi hanya mengenal bunyi (Mohd Fauzan, 2008).


Jika ibu bapa ingin mengajar sendiri anak mereka mengeja dan membaca al-Quran, maka adalah mudah untuk mereka mengajar dengan menggunakan kaedah *iqra'* kerana mereka hanya perlu menjadi fasilitator kepada anak untuk membaca berbanding cara *baghdadi* yang mana ibu bapa mesti menunjukkan dahulu cara mengeja setiap huruf dan perkataan sebelum diikut oleh anak-anak. Dalam subtajuk berikut, pembaca yang ingin mengajar sendiri anak mereka akan didedahkan kaedah mengajar anak-anak dengan kaedah *iqra'* sebagai panduan.

PEMILIHAN BUKU IQRA'

Buku Iqra ada tiga jenis, iaitu yang dijilidkan mengikut jumlah buku seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 1 dan ada yang disatukan dengan satu buku. Gambar 2 contoh buku yang dijilidkan dalam satu buku.




Gambar 1 Buku Iqra' yang dijilidkan mengikut buku




Gambar 2 Buku Iqra' yang dijilidkan dalam satu jilid

Apa yang lebih penting ialah isi dalam buku iqra'. Terdapat buku Iqra' dengan satu warna sahaja, iaitu hitam seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 3.



Gambar 3 Buku Iqra' dengan satu warna

Ada juga dalam bentuk dua warna, iaitu hitam dan merah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambar 4.



Gambar 4 Buku Iqra' dengan paduan warna hitam dan merah

Buku Iqra' yang dicadangkan untuk digunakan kepada anak-anak ialah buku iqra' dengan dua warna ini. Tujuan pemilihan buku ini bagi memudahkan anak membaca buku Iqra' tersebut.

PROSES PENGAJARAN AL-QURAN KAEDAH IQRA'

Secara ringkas terdapat beberapa peringkat penguasaan bacaan dengan kaedah *iqra'* ini, iaitu peringkat mengenal bunyi dan perlambangan, peringkat mencantumkan bunyi berbaris dengan huruf mati atau sukun, peringkat membunyikan huruf panjang dan pendek, peringkat membaca kalimah, peringkat membaca ayat, peringkat membaca ayat dengan nafas yang betul, peringkat membaca dan memperkenalkan hukum tajwid.

Proses pengajaran kaedah *iqra'* ini memerlukan ibu bapa membeli buku *iqra'* yang mempunyai enam jilid nipis buku atau satu jilid yang terkandung enam buku yang dikompailkan bersama. Setelah habis keenam-enam jilid ini, mereka perlu pula mendapatkan al-Quran untuk meneruskan pengajaran al-Quran mereka. Pemilihan buku *iqra'* dan al-Quran paling baik jika terdapat warna pembeza suku kata pada buku *iqra'* dan warna hukum tajwid bagi al-Quran. Walau agak mahal tetapi sangat membantu anak-anak ketika membaca. Keenam-enam buku *iqra'* dan al-Quran bolehlah dianggap sebagai pakej kaedah pengajaran *iqra'* kerana, sekalipun telah habis buku *iqra'* tingkatan tahap proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran belum selesai seperti yang dinyatakan dalam paragraf sebelum ini sehingga anak itu khatam keseluruhan al-Quran. Alat-alat lain yang perlu dan wajar disediakan ialah rehal yang tinggi atas pusat bagi menjamin penghormatan al-Quran dan penunjuk huruf, satu untuk ibu bapa dan satu lagi untuk anak yang belajar.

Di sini penulis nyatakan panduan pengajaran menggunakan buku *iqra'* khusus untuk ibu bapa yang ingin mengajar sendiri anak mereka daripada buku satu hingga buku enam seterusnya panduan pengajaran membaca al-Quran. Panduan yang diberi ini dengan tambahan panduan dari pengalaman pengajar kaedah *iqra'* ini supaya lebih efisien. Secara ringkas panduan mengajar buku *iqra'* dan al-Quran adalah mengikut tahap buku *Iqra'* itu sendiri (As'ad Humam, 2005: iv/1; Suzilawati, 2008; Mohd. Fauzan, 2008) (Md. Saleh @ Masrom, S., 2008; Humam, 2005: 1/iv):

(1) Panduan buku *Iqra'* satu:

- (a) Ibu bapa hanya sebagai fasilitator dengan memberikan contoh untuk permulaan bunyi dan lambang bunyi sahaja tanpa memberi ulasan.
- (b) Bacaan yang betul tidak perlu diulang semula oleh ibu bapa.
- (c) Sekiranya anak membunyikan lambang huruf secara salah, ibu bapa boleh menggunakan isyarat suara, tangan atau isyarat lain yang sesuai untuk menunjukkan salah. Kemudian ibu bapa seberapa daya membetulkan semula bunyi yang salah atau berpatah balik kepada lambang yang sebelumnya yang anak sudah baca dengan betul. Sekiranya masih salah, ibu bapa boleh membetulkan bunyi lambang yang sebelumnya dan menyuruh anak membunyikan lambang yang semasa yang dia salah.
- (d) Hanya anak yang sudah dapat menyebutkan semua huruf dengan betul pada satu-satu muka yang boleh berpindah ke muka seterusnya. Jika salah, kemudian anak boleh membetulkannya sendiri tanpa ibu bapa menyebutkan bunyi yang sebenar, anak itu sudah dikira menguasai bunyi itu. Sebaliknya jika ibu bapa terpaksa membunyikan bunyi lambang yang sebenar, anak tersebut perlu mengulangkannya kembali keseluruhan satu baris yang terkandung dalam baris lambang dan bunyinya yang salah yang dibetulkan.
- (e) Proses seperti panduan (d) sehingga selesai kesemua halaman buku satu. Sekurang-kurangnya satu muka dibaca untuk satu hari. Oleh kerana buku satu

mempunyai 31 halaman, maka sekurang-kurangnya dalam masa satu bulan, anak sudah boleh menyelesaikan buku satu.

(2) Panduan buku Iqra' dua:

- (a) Sama seperti panduan buku satu pada panduan (a), (b), (c), dan (d).
- (b) Jika anak lupa lambang dalam buku dua yang telah diajar dalam buku satu, ibu bapa boleh berpatah balik untuk mengingatkan semula lambang dan bunyi yang telah mereka kuasai tanpa perlu membunyikan untuk mereka.
- (c) Buku dua telah mula diajar huruf sambung. Namun ibu bapa tidak perlu menerangkan kedudukan lambang huruf dan bunyi tersebut kepada anak kerana pada kebiasaan dia sudah mampu membezakan huruf dengan baik sebagaimana mereka menguasai huruf yang tidak bersambung-sambung. Namun anak masih boleh membacanya satu huruf ke satu huruf, iaitu membaca secara terputus-putus. Sekiranya mereka sudah boleh mencatumkannya adalah lebih baik namun tidak dititik beratkan.
- (d) Pada peringkat buku dua, mula diajar bacaan mad atau bacaan panjang, iaitu bacaan mad asli, iaitu pada halaman 14. Bermula daripada halaman ini, ibu bapa perlu memastikan panjang pendek setiap huruf adalah tepat. Bermula muka surat ini, huruf asas *hija'iyyah* seperti Jadual 1 mestilah dibunyikan tanpa mad kerana apabila huruf ini bertemu dengan alif, huruf ini akan dipanjangkan dua harakat.
- (e) Buku dua mempunyai 30 halaman. Sekiranya ibu bapa mengajar satu hari satu muka, maka mereka boleh menyelesaikan bacaan buku dua dalam tempoh sebulan.

(3) Panduan buku Iqra' tiga:

- (a) Sama seperti panduan buku satu pada (a), (b), (c), dan (d) serta buku dua seperti panduan pada (b), (c), dan (d).
- (b) Buku tiga juga mempunyai 30 halaman. Justeru, ibu bapa boleh menghabiskan keseluruhan buku tiga dalam masa sebulan jika mereka mengajar anak mereka sehari satu halaman.

(4) Panduan buku Iqra' empat:

- (a) Sama seperti buku tiga pada panduan (a).
- (b) Pada peringkat ini, anak sudah boleh diperkenalkan dengan huruf *hija'iyyah* dan tanda baris.
- (c) Huruf qalqalah hendaklah dipasti dibunyikan oleh anak dengan jelas.
- (d) Pada peringkat ini, anak sudah mula diperkenalkan dengan huruf mati. Sekali lagi ibu bapa sebagai fasilitator, iaitu memberi panduan pada kalimah pertama sahaja. Kalimah yang lain hendaklah dibunyikan sendiri oleh anak. Oleh itu, jika anak tidak berjaya membunyikannya, ibu bapa boleh memberi panduan dengan huruf baris dahulu sebelum mematikannya dengan sukun. Sebagai contoh:

تَكَ - تَكْ - تَكْ تَعَ - تَعَ

- (e) Buku empat juga mempunyai 30 halaman. Oleh itu, ibu bapa boleh menghabiskan keseluruhan buku tiga dalam masa sebulan jika mereka mengajar anak mereka sehari satu halaman.

(5) Panduan buku Iqra' lima:

- (a) Sama seperti buku tiga pada panduan (a).
- (b) Cara bunyi wakaf yang betul sudah mula diajar kepada anak. Oleh itu setiap ayat yang diakhiri dengan tanda bulatan perlu dibunyikan dalam bentuk wakaf.
- (c) Dalam buku ini, anak mula diperkenalkan dengan bentuk hukum tajwid. Apa yang perlu ibu bapa menunjukkan contoh bacaan yang betul pada hukum tajwid tanpa memperkenalkan hukumnya.
- (d) Bermula daripada buku lima ini sebarang bunyi hukum tajwid seperti *ikhfa'*, *idgham*, *idgham ma'a al-Ghunnah*, *huruf mahmus*, *lafz al-Jalalah*, *qalqalah*, *wakaf* dan hukum mad asli serta lain-lain hukum mad yang dibaca tanpa dengung atau panjang oleh anak perlu dibetul dan diulangkan semula sehingga mereka boleh membaca dengan dengung yang betul atau panjang yang mencukupi dan menguasainya.
- (e) Cara membetulkannya ialah dengan memberi tahu kepada anak: "*salah tu apa yang kurang*" atau "*Jangan lupa dengung*" atau "*baca dengan dengung*".
- (f) Jika anak salah tentang *mahmus*, ibu bapa hanya sebut "Angin" atau "*Jangan lupa angin*" atau "*Tak dengar pun anginnya*".
- (g) Sekiranya menyentuh tentang *lafz al-Jalalah* ibu bapa boleh menegur: "*Tebalkan*" atau "*nipiskan*".
- (h) Jika menyentuh tentang mad ibu bapa nyatakan "Kurang panjang" atau "Tak cukup panjang" atau "panjang lagi".
- (i) Pada buku ini bacaan dengan alunan yang sedap sudah boleh diperdengarkan kepada anak tetapi jangan memilih bacaan terlalu berlagu dan yang sukar.
- (j) Buku lima ini juga terkandung 30 halaman yang memungkinkan ibu bapa boleh menyudahkan pengajaran kepada anak dalam tempoh sebulan.

(6) Panduan buku Iqra' enam:

- (a) Sama seperti buku tiga pada panduan (a) dan buku lima panduan (b) dan (c).
- (b) Jika anak masih membaca lambat dan membaca satu persatu lambang dan bunyi, hal ini tidak menjadi masalah asalkan bacaannya tidak salah dan hukum tajwidnya adalah betul. Kemahirannya membaca secara lancar sebenarnya merupakan satu proses berterusan dan agak lama yang akan datang sendiri apabila anak semakin banyak membaca al-Quran.
- (c) Buku enam ini terkandung 31 halaman. Sekiranya ibu bapa mengajarkan anak sehari satu muka, buku ini boleh diselesaikan dalam tempoh sebulan.
- (d) Setelah habis buku enam, pengajaran anak akan diteruskan dengan menyambung bacaan surah Fatihah seterusnya surah al-Baqarah dalam juzuk satu sehinggalah keseluruhan al-Quran habis dibaca dengan pemantauan ibu bapa.

Pada ketika habis buku Iqra' 6 ini, anak-anak sudah boleh mengenal huruf dan bunyinya tetapi masih belum mencapai tahap pembacaan yang lancar. Proses kelancaran akan diterapkan semasa mereka membaca al-Quran.

Panduan Pembelajaran al-Quran

Membaca al-Quran merupakan waktu terpenting untuk mengajar anak al-Quran. Guru dan ibu bapa tidak boleh berkompromi dari segi bunyi huruf yang betul dan bunyi yang mengikuti hukum tajwid. Dalam pembelajaran al-Quran ada beberapa perkara yang perlu dititik beratkan, iaitu saiz al-Quran, jenis al-Quran, dan proses pengajaran al-Quran.

Saiz al-Quran

Saiz al-Quran mestilah besar sebaik-baiknya halaman muka bersaiz A4 bagi setiap halaman. Saiz yang besar akan mengurangkan kesilapan anak dalam menyebut bunyi huruf. Manakala saiz yang kecil menyebabkan anak selalu tertukar bunyi huruf.

Jenis al-Quran


Sebaik-baik pemilihan al-Quran ialah yang berwarna warni dan warna tersebut mengikut hukum tajwid. Lihat Gambar 5 adalah contoh al-Quran dengan hukum Tajwid. Tujuan menggunakan al-Quran yang terdapat hukum tajwid ini bagi memudahkan ibu bapa atau guru menjelaskan kepada anak bahawa tanda merah perlu dimadkan dengan cukup manakala tanda hijau pula perlu didengunkan dengan sempurna. Hal ini demikian kerana anak-anak selalu melakukan kesalahan ini paling banyak berbanding dengan hukum yang lain.



Gambar 5 Al-Quran dengan kombinasi warna berdasarkan hukum tajwid

Jika al-Quran tersebut mempunyai terjemahan ditepi al-Quran, maka itu adalah lebih baik. Hal ini kerana bertujuan menjaga kehormatan al-Quran, iaitu al-Quran hanya boleh dipegang ketika ada wuduk melainkan jika terjemahannya lebih banyak daripada al-Quran itu sendiri (Jasmi, 2007). Keadaan ini sudah tentu akan menyukarkan

pembelajaran anak dan ibu bapa atau guru untuk sentiasa berada dalam keadaan berwuduk.



Gambar 6 Al-Quran bersama dengan Terjemahan

Kaedah Pembelajaran Pembacaan al-Quran

Kaedah pembelajaran pembacaan al-Quran adalah sebenarnya sambungan daripada kaedah pembacaan dari buku Iqra' 6. Mengajar membaca al-Quran pada peringkat awal dengan semuka boleh dibahagi kepada tiga bahagian dengan setiap bahagian sehari. Setelah anak membaca agak lancar, semuka al-Quran boleh dibahagi kepada dua bahagian, dengan setiap bahagian dibaca sehari. Setelah semakin lancar barulah dilaksanakan pembacaan sehari semuka. Secara ringkas panduan pembacaan peringkat ini adalah seperti berikut:

- (1) Ketika proses kelancaran ini, kemahiran wakaf dan wasal dan semua bunyi hukum tajwid boleh diterapkan walaupun anak masih membaca dengan keadaan terputus-putus. Panduan menerapkan kemahiran wakaf:
 - (a) Ibu bapa mesti memastikan tempat wakaf dan cara wakaf yang betul digunakan oleh anak. Jika tempat wakaf adalah jauh, wakaf boleh dilakukan pada kalimah yang bersambung dengan perkataan "fa", "waw", "aw", "inni", "qala" "yaqulu" atau kata hubung yang lain. Sebagai contoh pecahan ayat dalam surah al-Baqarah (2:33-35) boleh dilakukan seperti berikut (Surah al-Baqarah, 2:33-35):

فَالْيَا آدُمْ أَنْبِئُهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ / فَلَمَّا آنْبَاهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ / قَالَ اللَّمَّا أَقْلَلَ لَكُمْ / إِنِّي أَعْلَمُ
غَيْرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ / وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ / وَمَا كُنْتُمْ تَكْثُمُونَ ۝ وَإِذْ قُلْنَا

فَالْيَا آدُمْ أَنْبِئُهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ / فَلَمَّا آنْبَاهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ / قَالَ اللَّمَّا أَقْلَلَ لَكُمْ / إِنِّي أَعْلَمُ
غَيْرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ / وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ / وَمَا كُنْتُمْ تَكْثُمُونَ ۝ وَإِذْ قُلْنَا

لِلْمَلِائِكَةِ اسْجَدُوا لِلَّهَمَّ / فَسَاجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسٌ / أَبَى وَاسْتَكْبَرَ / وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ
 ۚ وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ / وَكُلَا مِنْهَا رَغْدًا حَيْثُ شِئْتُمَا / وَلَا
 تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةِ / فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ۖ

- (b) Jika terdapat kesilapan pembacaan, anak perlu membaca semula dari pangkal ayat yang boleh dimulakan (ibtida') sehingga dia berhenti di tempat berhenti yang betul. Tidak perlu mengulang keseluruhan ayat.
 - (c) Jika anak wakaf di tempat yang salah, tidak mengapa, tetapi mestilah disambung dari ayat atau dari perkataan yang betul.
- (2) Pada peringkat anak membaca beberapa juzuk al-Quran ini, pembacaan anak akan mengalami proses kelancaran. Bagi meningkatkan lagi kelancaran pembacaan al-Quran. Bacaan contoh daripada guru dan ibu bapa sudah boleh dimulakan dengan menggunakan cara berikut:
- (a) Ibu bapa atau guru membaca dengan tempat hentian yang betul dan menyuruh anak untuk mengikut cara bacaan ibu bapa atau guru.
 - (b) Sekiranya masih tersangkut-sangkut, itu tidak mengapa. Hal ini kerana tujuan pembacaan ini ialah hendak menunjukkan kepada anak bagaimana contoh bacaan yang lancar.
 - (c) Kaedah ini boleh dilakukan sehingga setengah juzuk al-Quran. Ketika tahap ini anak sudah dapat memahami apa yang dikatakan bacaan lancar dan mereka akan cuba sedaya upaya untuk membaca secara bersambung-sambung walaupun nafas mereka masih terputus-putus atau mereka masih mencuri nafas.
- (3) Sekiranya, ibu bapa sudah yakin anak-anak sudah benar-benar lancar membaca, kemahiran nafas ketika membaca pula akan diterapkan. Kemahiran nafas merupakan kemahiran pembacaan yang terakhir yang akan dikuasai oleh anak ketika proses membaca al-Quran. Kemahiran nafas bermaksud anak akan membaca potongan ayat al-Quran dengan nafas yang betul dan tidak mencuri nafas ketika membacanya. Panduan menerapkan kemahiran nafas:
- (a) Ibu bapa perlu menjelaskan bahawa membaca al-Quran dengan betul, mestilah tidak mencuri nafas. Anak perlu mengkadarkan kadar yang perlu dibaca tanpa mencuri nafas. Namun jika nafas tidak sampai anak boleh berhenti dengan wakaf yang betul di tempat terputus nafasnya. Kemudian disambung ayat di tempat wasal yang betul.
 - (b) Ibu bapa atau guru boleh mula melatih kemahiran nafas ini dengan mengajak mereka membuka dan membaca surah al-Naba' dan al-Nazi'at. Surah ini ayatnya pendek-pendek. Oleh itu, latihan membaca satu ayat ke satu ayat tanpa putus nafas boleh dilatih. Jika anak didapati mencuri nafas, mereka perlu mengulang semula sehingga ayat tersebut sempurna dibaca dengan satu nafas. Setelah selesai membaca dua surah ini, anak boleh kembali tempat bacaan mereka semula untuk menyambung pembelajaran pembacaan al-Quran mereka.

- (c) Ketika menyambung pembelajaran pembacaan al-Quran, penerapan kemahiran ini dimulakan dengan panduan ibu bapa menentukan kadar yang sewajarnya anak membaca tanpa mencuri nafas. Kadar ini boleh dilihat sebagaimana yang ditunjukkan dalam 1 (a) yang lalu. Sebagai pemulaan boleh dimulakan dengan sepotong ayat pendek, iaitu separuh daripada baris atau biasanya dalam tiga hingga lima patah perkataan. Anak disuruh membaca tanpa mencuri nafas. Sehinggalah dia membaca keseluruhan ayat yang biasa dibaca sehari.
- (d) Pastikan setiap tempat hentian, anak menggunakan wakaf yang betul sekalipun ditengah-tengah ayat.
- (e) Setiap proses pengajaran al-Quran ini hendaklah berjalan bersesekali dengan proses pembacaan berterusan dan bersambung-sambung tanpa perlu diulang di tempat yang anak sudah membaca dengan betul. Sekalipun sebelum proses kemahiran nafas ketika membaca mereka belum kuasai. Hal ini demikian kerana setiap proses pengajaran dan pembelajaran, kesalahan nafas yang dilakukan ketika proses ini adalah dimaafkan.
- (4) Setelah proses kemahiran nafas ini benar-benar telah dikuasai dan anak mampu membaca al-Quran dengan lancar, ibu bapa bolehlah mengajar anak membaca al-Quran mengikut tempat hentian yang sememangnya telah disediakan dalam al-Quran. Dalam al-Quran setiap juzuk sebenarnya dibahagian kepada dua bahagian dan setiap bahagian terdiri daripada empat *hizb*, iaitu *rub' al-hizb*, *nisf al-hizb*, *thalathat arba' al-hizb*, dan *al-hizb*. Hal ini demikian, bermakna setiap juzuk terdiri lapan hentian (sila lihat bahagian tepi al-Quran *Rism Uthmani*). Oleh itu, anak yang sudah benar-benar lancar dengan pemantauan ibu bapa, dia hendaklah membaca al-Quran ini sehingga selesai di setiap hentian ini. Dengan kadar ini, setiap lapan hari, satu juzuk akan selesai dibaca oleh anak.
- (5) Apabila anak sudah membaca secara lancar dan berhenti di tempat hentian yang betul, ibu bapa bolehlah mula mengajarkan pula hukum tajwid. Panduan memperkenalkan hukum tajwid adalah seperti berikut:
- (a) Ambil masa dalam 10 minit untuk menerangkan hukum tajwid sebelum anak menyambung bacaan al-Qurannya seperti biasa. Penerangan ini dengan membuat nota untuk anak dalam buku kecil untuk mereka merujuk kembali jika terlupa.
- (b) Mulakan hukum dengan hukum *nun mati* atau *tanwin* bertemu dengan huruf *izhar*, *idgham bi ghunnah*, *idgham bila ghunnah*, *ikhfa'*, dan *iqlab*. Setiap bahagian ini boleh diambil masa seminggu kerana perlu untuk dihubungkan dengan bacaan anak dan penilaian pemahamannya. Sebagai contoh minggu pertama, pada hari pertama diterangkan hukum *nun mati* atau *tanwin* bertemu dengan huruf *idgham bi ghunnah*. Lalu ibu bapa menunjukkan contoh hukum ini dengan bahagian yang dibaca oleh anak, warnanya, bentuknya, dan bunyinya. Hari kedua ibu bapa menunjukkan kalimah yang terdapat hukum ini dan bertanya kepada anak: "Ini hukum apa?" Jika dijawab betul oleh anak, soalan kedua dikemukakan: "Kenapa kalimah ini dihukumkan *idgham bi ghunnah*?" Pada peringkat pertama, anak jarang dapat menjawab dengan betul, jadi ibu bapalah yang perlu menjelaskannya. Pada hari berikut penilaian ayat bacaan anak yang

lain pula ditanyakan tentang hukum ini sehingga anak benar-benar menguasai hukum tajwid ini. Begitulah seterusnya pada hukum nun mati dan tanwin.

- (c) Bahagian kedua pula diterangkan hukum nun bersabdu dan mim bersabdu, iaitu hukum *idgham bi ghunnah al-Mushaddad*. Bahagian ketiga pula diperkenalkan hukum mim mati bertemu dengan huruf ikhfa' syafawi dan izhar shafawi. Bahagian ketiga pula diterangkan hukum qalqalah. Bahagian keempat pula diterangkan hukum mahmus. Bahagian kelima pula diterangkan hukum mad asli, mad wajib dan mad jaiz. Bahagian keenam pula diterangkan mad 'arid li al-sukun dan mad lin. Semua hukum tajwid ini yang paling banyak diamalkan dalam al-Quran.
 - (d) Sehingga anak khatam al-Quran, ibu dan bapa akan berpuas hati kerana anak mampu membaca dengan tajwid dan mampu pula mengenal hukum asas dalam pembacaan mereka.
- (6) Dalam al-Quran terdapat perkataan yang perlu diberi perhatian kepada cara bacaan yang betul sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Tumpuan kepada bacaan yang betul pada kalimah al-Quran

Bil.	Kalimah	Tempat	Cara bunyi	Keterangan
1.	سَاءَ مَثَلًا الْقَوْمُ الَّذِينَ	Al-A'raf (7:177)	Huruf 'tan' dibaca 'la' dengan tambahan 'ن' kecil berbaris di bawah yang dimatikan dengan alif lam pada perkataan 'ل'.	Tanwin tidak boleh dibunyikan apabila bertemu dengan alif lam. Terdapat agak banyak dalam al-Quran
2.	وَلَا تَنْعُلُوا ثَلَاثَةً إِنْهُوا حَيْرًا لَكُمْ	Al-Nisa' (4:171)	Huruf 'tan' dibaca 'tu' dengan tambahan 'ن' kecil berbaris di bawah yang dimatikan dengan nun mati pada perkataan 'ن'.	Tanwin tidak boleh dibunyikan apabila bertemu dengan hamzah wasal. Terdapat agak banyak dalam al-Quran.
3.	قَالُوا يَا وَيْلَنَا مَنْ بَعَثَنَا مِنْ مَرْقَدِنَا هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ (٦٥)	Yasin (36:52)	Bacaan Saktah, iaitu berhenti wakaf pada 'na' dalam 'ن' namun tidak boleh putuskan nafas.	Terdapat agak banyak dalam al-Quran
4.	قَالُوا يَا أَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْمَنَّا عَلَى يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُ لَنَا صُحُونَ (١٠)	Yusuf (12:11)	Bacaan Ishmam dengan memuncungkan bibir ketika menyebut 'mim' dalam 'ن'	Hanya ada satu bacaan sahaja yang perlu dibaca sebegini.
5.	لَقَالُوا لَوْلَا فُصِّلَتْ آيَاتُهُ الْأَعْجَمِيُّ وَعَرَبِيُّ	Fussilat (41:44)	Hamzah kedua dalam 'ن' dibaca dengan separuh hamzah, iaitu seakan-akan tidak jelas hamzah berbaris di atas.	Hanya ada satu bacaan sahaja yang perlu dibaca sebegini.
6.	وَقَالَ إِرْكَبُوا فِيهَا بِسْمِ اللَّهِ مُجْرِاهَا وَمُرْسَاهَا	Hud (11:41)	Huruf 'ri' dalam 'ن' dibaca 'ray' sebagaimana bunyi 'ray' dalam perkataan 'X-Ray' .	Hanya ada satu bacaan sahaja yang perlu dibaca sebegini.

	إِنَّ رَبَّيْ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ (۳۱)		
--	--	--	--

Sekiranya ibu bapa istiqamah mengajarkan buku Iqra', keseluruhan buku ini boleh diselesaikan dalam masa enam bulan sahaja dan mereka akan mendapati anak sudah boleh membaca dengan betul dan telah mengenal huruf tetapi ada sesetengah anak masih lagi membaca satu huruf ke satu huruf. Keadaan ini adalah normal. Pembacaan berterusan dan teguran yang salah dalam bacaan al-Quran yang seterusnya akan meningkatkan kelancaran anak membaca al-Quran dan biasanya sehingga juzuk yang kelima hingga ke sepuluh atau kurang lagi anak sudah benar-benar membaca al-Quran seperti orang dewasa yang mahir membaca secara bertajwid.

Pada kebiasaan, tempoh menyelesaikan iqra' dan khatam keseluruhan al-Quran adalah dalam tempoh tiga tahun jika mengikut panduan yang diterangkan sebelum ini. Hal ini demikian bermaksud anak yang memulakan bacaan iqra' ketika umur dua tahun, dia akan khatam al-Quran ketika berumur lima tahun dan anak yang memulakan iqra' ketika berumur tiga tahun, dia akan khatam al-Quran ketika umurnya enam tahun. Namun begitu lagi besar umur membaca iqra' lagi cepat mereka menyelesaikan khatam al-Quran kerana kematangan anak. Umur anak sekitar dua dan tiga tahun agak sukar untuk mereka duduk dan belajar secara orang dewasa kerana mudah penat, mudah hilang fokus dan tumpuan dan suka bermain-main. Apabila mereka sudah penat, hilang fokus dan mula bermain-main, ibu bapa tidak boleh meneruskan lagi pengajaran. Pengajaran ini hendaklah disambung kepada keesokkan harinya pula. Namun keadaan ini akan hilang dalam masa enam bulan atau setahun. Selepas tahap ini mereka akan terbiasa belajar mengaji dalam keadaan disiplin sehingga selesai pembacaan mereka setiap hari.

GALAKAN DAN GANJARAN TERHADAP PEMBACAAN AL-QURAN

Peringkat kanak-kanak adalah peringkat yang paling suka kepada galakan dan ganjaran terhadap setiap perlakuan baik yang mereka lakukan. Dalam hal pembelajaran al-Quran galakan dan ganjaran mestilah selalu digunakan ketika mereka berjaya membunyikan dengan bunyi yang betul, menyudahkan baris, menyelesaikan bacaan semuka sehari, menghabiskan peringkat buku-buku Iqra', menyelesaikan keseluruhan buku-buku iqra', menamatkan juzuk al-Quran, menamatkan bacaan surah, dan akhir sekali menyudahkan bacaan keseluruhan al-Quran.

Galakan

Bentuk galakan yang biasa digunakan dalam bentuk pujian dan isyarat. Bentuk pujian ialah "bagus", "best", "cemerlang", "excellent", "marvelous", "good", "very good", "bunyi begitu yang ayah hendak", "sedapnya suara", "cukup nampak panjangnya", "wow", "hebat" dan lain-lain perkataan yang sesuai. Pujuan juga boleh diberikan kepada anak secara tidak langsung dengan ayah atau ibu menyatakan aspek terpuji atau perkara yang dilakukan oleh anak yang menunjukkan sudah meningkat kepada pasangan atau kepada adik atau abangnya. Mungkin perkataan seperti ini boleh digunakan "Ibu, saya tengok Anas ni baguslah bacaannya", "Ibu, hari adik dah berjaya menghabiskan buku tiga", atau "Adik ikut macam abang, sedap bacaannya" dan lain-lain perkataan yang sesuai.

Selain pujian, isyarat tangan tanda bagus, senyuman, ciuman di dahi, ciuman di pipi, meletakkan anak di riba selepas belajar al-Quran, dan lain-lain gerakan badan yang sesuai juga boleh digunakan sebagai satu bentuk galakan.

Ganjaran

Kanak-kanak pra sekolah berbeza dengan murid di sekolah rendah. Pada tahap ini ganjaran amat penting bagi menunjukkan penghargaan. Ganjaran yang dimaksudkan ialah yang berbentuk hadiah. Ganjaran diberikan pada waktu yang penting kepada anak seperti ketika habis membaca Iqra' 1, ketika menghabiskan keseluruhan buku Iqra', ketika menghabiskan juzuk pertama daripada al-Quran, dan ketika menghabiskan pembacaan keseluruhan al-Quran.

Ganjaran yang biasa boleh dilakukan ialah dalam bentuk belanja makan terhadap makanan kegemaran anak; membelikan mainan kegemaran untuk mereka; membelikan peralatan sekolah; membelikan al-Quran dengan anak diberi kebebasan memilih al-Quran yang mereka suka, menghadiahkan set jubah, dan lain-lain hadiah yang sesuai.

Membangun Kemahiran Jawi kepada Anak

Membangun kemahiran jawi adalah penting kerana tulisan jawi merupakan tulisan yang mempunyai ruh seperti tulisan al-Quran. Penguasaan dalam jawi akan mengekalkan ruh Islam dalam diri anak apatah lagi jika mereka mempelajari Islam dalam tulisan ini. Justeru, penguasaan tulisan ini perlu dititik beratkan kepada anak untuk dikuasai.

Mengajar anak membaca jawi tidaklah sesukar mengajar anak membaca iqra' yang memakan masa yang agak lama. Anak yang sudah habis buku iqra'nya serta sudah lancar bacaannya boleh dimulakan pengajaran jawi. Kemahiran mereka mengenal huruf ketika membaca al-Quran akan memudahkan mereka membunyikan suku kata dalam tulisan jawi kerana suka kata dalam al-Quran adalah sama dengan suku kata dalam tulisan jawi. Bezanya hanya pada bahasa. Al-Quran dalam bahasa arab sedangkan jawi dalam bahasa Melayu. Cadangan buku untuk membaca jawi seperti Gambar 5.



Ibu bapa boleh mendapatkan buku mempelajari jawi secara berperingkat-peringkat yang banyak terjual di kedai buku dan mulalah mengajarkan kepada anak. Ibu bapa akan mendapati anak sudah boleh mengusai jawi ini dalam masa yang singkat sahaja hasil penguasaan mereka dalam bacaan al-Quran.

RUMUSAN

Penguasaan al-Quran dan tulisan jawi mampu meningkatkan keyakinan anak dalam mempelajari Pendidikan Islam dan bahasa Arab di sekolah tadika, sekolah rendah dan sekolah agama atau Kelas Asas Fardu Ain (KAFA). Oleh itu, ibu bapa seharusnya memberi perhatian terhadap anak-anak mereka agar menguasai kedua-dua kemahiran agar kecintaan mereka kepada Pendidikan Islam dan bahasa Arab adalah tinggi. Kelemahan mereka dalam kedua-dua kemahiran kadang kala memungkinkan mereka malu di sekolah dan ketinggalan dalam pelajaran agama dan bahasa Arab. Dalam masa yang sama, ibu bapa yang mengajarkan sendiri anak membaca al-Quran dan kemahiran tulisan jawi mendapat kepuasan yang tidak ternilai kerana dapat melihat sendiri keupayaan anak dalam kedua-dua kemahiran. Ibu bapa tidak seharusnya juga lupa bahawa setiap keupayaan anak mereka membaca al-Quran dan mempelajari agama Islam hasil daripada daya usaha mereka memajukan anak mereka, ini semua merupakan satu-satu amal dan tindakan yang mempunyai manfaat pahala yang besar di sisi Allah yang banyak terjelas dalam sabdaan Rasulullah s.a.w.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. al-Arna'ut Shu'aib & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunan ihi wa Ayyam ihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. 1995. *Riyad al-Salihin*. 'Ali 'Abd al-Hamid Boltah Ji (Ed.). Lahore Pakistan: Kutub Khanah Faida.
- Humam, As'ad. 2005. *Iqra' 1-6*. Yogyakarta: Balai Litbang, LTPQ Nasional.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2002. *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2007. *Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2013. Al-Quran Satu Mukjizat yang Menakjubkan. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Pres.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Md. Saleh @ Masrom, Mohd Fauzan. 2008, 29 Disember 2008. Jam 8.00 malam. *Perbualan dengan Guru al-Quran di Daerah Johor Bahru, Pengamal Pengajaran al-Quran dengan Kaedah Iqra'*/Interviewer: Kamarul Azmi Jasmi.
- Md. Saleh @ Masrom, Suzilawati. 2008. *Perbualan dengan Guru al-Quran Daerah Johor Bahru, Pengamal Pengajaran al-Quran dengan Kaedah Iqra'*.